

# PRIMECON SYRUP

Simethicone (50mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Primecon
2. Bagaimana Primecon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Primecon
4. Cara menggunakan Primecon
5. Semasa menggunakan Primecon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Primecon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Primecon

Ia digunakan untuk merawat angin dalam perut, sakit abdomen dan ketidakhadaman, dan keadaan-keadaan lain di mana kehadiran gas dalam perut menjadi masalah.

## Bagaimana Primecon berfungsi

Simethicone menghilangkan gas dengan menggabungkan semua buih gas untuk senang disingkirkan dari badan. Ia mengeluarkan buih jus gastrik bagi tujuan mengurangkan berlakunya *gastroesophageal reflux*.

## Sebelum menggunakan Primecon

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Primecon jika terdapat alahan kepada bahan aktif atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam produk. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan Primecon

Keselamatan ubat untuk wanita hamil atau menyusukan anak belum dipastikan lagi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Primecon

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 5 – 10ml empat kali sehari, selepas makan dan waktu tidur, atau bila perlu. Dos maksima harian tidak boleh melebihi 500mg.

Kanak-kanak: ikut arahan doktor.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Primecon

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Primecon.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Primecon dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan Primecon harus diberi perhatian teliti semasa hamil. Kesan baik dan buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Primecon boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus

kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [nppra.moh.gov.my](http://nppra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Primecon

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap warna merah muda dan perisa strawberi.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: simethicone.  
- Bahan tidak aktif: rose pink, sodium carboxymethylcellulose, methyl parabens, propyl parabens, perisa strawberi, glycerin, asid sitrik, sodium saccharin, air dan sirap simpleks.

### - Nombor MAL

MAL19912114XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

11/05/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)11052017/00098